

**Parlimen: Kerajaan Jamin Maklumat Penerima BR1M Tidak Diakses LHDN
Bernama
25 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Dewan Rakyat diberitahu bahawa kerajaan sudah mengambil tindakan perlu bagi memastikan maklumat peribadi yang disalurkan penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) tidak diakses oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Awang Adek Hussin berkata langkah proaktif itu diambil memandangkan ada penerima BR1M enggan memberikan maklumat mereka kerana khuatir ia akan diakses oleh LHDN bagi tujuan kutipan cukai.

"Memang ada penerima bantuan ini yang tidak mahu memberikan maklumat kerana tidak mahu maklumat yang diberi itu digunakan oleh LHDN untuk tujuan kutip cukai.

"Kita sudah ambil tindakan untuk pastikan LHDN tidak menggunakan maklumat yang disalurkan bagi tujuan pemberian BR1M," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2012 di peringkat jawatankuasa bagi Kementerian Kewangan, di Dewan Rakyat, Isnin.

Awang Adek menolak dakwaan Chong Chieng Jen (DAP-Bandar Kuching) bahawa LHDN bertindak menyerbu peniaga bagi menuntut mereka membayar cukai selepas pemberian bantuan BR1M.

"Kalau melibatkan dakwaan LHDN mengutip cukai syarikat daripada peniaga selepas pemberian BR1M, memang tidak ada sebab syarikat tidak terlibat dalam BR1M," katanya.

Justeru beliau yang meminta mana-mana penerima yang merasa 'dihambat' LHDN kerana maklumat yang disalurkan semasa penerima bantuan BR1M, untuk tampil membuat aduan.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=675763>